

**PEMBANGUNAN DAN KESAHAN MODUL  
SK-PLUS UNTUK MURID MASALAH  
PEMBELAJARAN TAHAP SATU  
DI SEKOLAH RENDAH**

**NORMALA BINTI MISWAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**

**PEMBANGUNAN DAN KESAHAN MODUL  
SK-PLUS UNTUK MURID MASALAH  
PEMBELAJARAN TAHAP SATU  
DI SEKOLAH RENDAH**

**NORMALA BINTI MISWAN**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

Please tick (✓)  
Project Paper  
Masters by Research  
Master by Mixed Mode  
PhD


INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the .....09.....day of.....12.....20.....21

i. Student's Declaration:

I, NORMALA BINTI MISWAN / M20171000220 / FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled PEMBANGUNAN DAN KESAHAN MODUL SK-PLUS UNTUK MURID MASALAH PEMBELAJARAN TAHAP SATU DI SEKOLAH RENDAH is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Signature of the student

ii. Supervisor's Declaration:

I PROF MADYA DR. MD NASIR BIN MASRAN (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled PEMBANGUNAN DAN KESAHAN MODUL SK-PLUS UNTUK MURID MASALAH PEMBELAJARAN TAHAP SATU DI SEKOLAH RENDAH (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the Institute of Graduate Studies as a \* partial/full fulfillment for the conferment of IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KHAS (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

21.12.2021

Date

PROF MADYA DR. MD NASIR BIN MASRAN  
SARJANA PENDIDIKAN KHAS  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS,  
3022 TULLONGHUMAH, PERAK





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN DAN KESAHAN MODUL SK-PLUS UNTUK MURID  
MASALAH PEMBELAJARAN TAHAP SATU DI SEKOLAH RENDAH

No. Matrik / Matric's No. M20171000220

Saya / I. NORMALA BINTI MISWAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut -

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick ( ✓ ) for category below:-*

**SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 21.12.2021

PROF MANDYA DR. MO NASIR BIN NASIR  
FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMERIKSAAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS,  
3000 TANJONG MALIM PERAK

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perisian dan dokumentasi penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak daripada individu-individu berikut; Prof. Madya Dr. Md. Nasir Bin Masran – Penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat, para penilai penulisan, guru-guru dan murid SK Sultan Abdul Aziz yang terlibat dalam kajian ini, para pakar yang dilantik, yang membantu dalam membangunkan modul pembelajaran yang dibina, rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat dan tidak lupa kepada suami tercinta Mohd. Lutffi Bin Mohamed Yahaya, anak-anak kesayangan, ibu dan ayah serta keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangun dan menguji modul bagi melihat pembangunan dan kesahan Modul SK-Plus. Ia merupakan singkatan daripada Sentuhan Kasih: Program Latihan Untuk Menulis . Pembangunan modul ini adalah untuk meningkatkan minat dan pencapaian menulis murid bermasalah pembelajaran tahap satu. Kajian ini menggunakan kaedah kumulatif dan kuantitatif untuk mengumpul data kesahan modul dan kebolehgunaan modul SK-Plus. Dalam kajian ini empat set instrument digunakan iaitu Borang Senarai Semak Pemerhatian, Borang Soal Selidik Pakar, Soalan Ujian Pra, dan Soalan Ujian Pos. Kajian dijalankan di sebuah sekolah rendah dalam daerah Kuala Selangor. Seramai lima orang pakar dilantik untuk menilai instrument yang dibina. Tiga orang guru Pendidikan Khas juga diambil sebagai pembantu untuk mengisi borang senarai semak untuk menilai perkembangan sampel yang digunakan. Pengkaji menggunakan empat sampel yang terdiri daripada dua orang murid sindrom down dan dua orang murid autism yang menghadapi masalah kurang minat dengan aktiviti menulis sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Hasil kajian menunjukkan kebolehgunaan modul SK-Plus berada pada tahap positif dan sesuai digunakan untuk murid bermasalah pembelajaran tahap satu. Kesemua aspek yang dinilai terhadap modul menunjukkan skor yang positif daripada pakar penilai. Manakala pencapaian menulis sampel juga menunjukkan prestasi yang positif berdasarkan perbandingan markah ujian pra dan ujian pos. Kajian ini menyumbangkan kepada Guru Pendidikan Khas khususnya dalam menambah idea untuk meningkatkan minat menulis murid masalah pembelajaran..





## DEVELOPMENT AND OFFENSIVE MODULE SK-PLUS FOR DISABILITIES STUDENT IN PRIMARY SCHOOL

### ABSTRACT

This study aimed on the development and validity of SK-Plus Module. It stand for Sentuhan Kasih : Program Latihan Untuk Menulis. The purpose of this module development study is to provide a module that improves the interest and achievement of writing in students with level one learning problems. This study uses cumulative and quantitative methods to collect data on the validity of the module and the applicability of the SK-Plus module. In this study, four sets of instruments were used, namely Observation Checklist Form, Expert Questionnaire Form, Pre -Test and Post -Test Questions. The study was conducted in a primary school in the district of Kuala Selangor. A total of five experts were appointed to evaluate the constructed instruments. Three Special Education teachers were also recruited as assistants to fill out a checklist form to assess the progress of the sample used. The researcher used four samples consisting of two students with down syndrome and two students with autism who had problems with lack of interest in writing activities during the teaching and learning sessions. Study data were analyzed using quantitative and qualitative methods. The results showed that the usability of the SK-Plus module was at a positive level and suitable for use for students with a level one learning difficulties. All aspects evaluated on the module showed a positive score from the evaluators. While the achievement of writing the sample also showed a positive performance based on the comparison of pre -test and post -test scores. This study contributes to Special Education Teachers especially in adding ideas to increase the interest in writing students learning disabilities..



## KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Soalan Kajian	6
1.7	Kerangka Rekabentuk Kajian	7
1.8	Batasan Kajian	9
1.9	Kepentingan Kajian	10
1.10	Definisi Operasional	10
	1.10.1 Murid Masalah Pembelajaran	10
	1.10.2 Minat	10
	1.10.3 Peneguhan Positif	11
	1.10.4 Menulis	11

1.10.5	Modul SK-Plus	12
1.10.6	Kesahan	12
1.11	Rumusan	13

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Perkembangan Kognitif Murid Bermasalah Pembelajaran	14
2.3	Aplikasi Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	17
2.4	Pembangunan Modul Pembelajaran Menggunakan ADDIE	18
2.5	Kajian Lepas Menggunakan Model ADDIE	20
2.6	Kajian Lepas Kesan Penggunaan Peneguhan Positif Dalam Pembelajaran	22
2.7	Teori Behaviorisme	25
2.7.1	Bagaimana Teori Pembelajaran Behaviorisme Diaplikasikan Dalam Modul SK-Plus	26
2.8	Teori Minat	28
2.9	Rumusan	31

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	32
3.2	Reka bentuk Kajian	32
3.3	Prosuder Kajian	33
3.4	Fasa 1 : Fasa Analisis	35
3.5	Fasa 2 : Proses Rekabentuk dan Proses Pembangunan	37
3.5.1	Proses Rekabentuk	37
3.5.2	Proses Pembangunan	41
3.5.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul SK-Plus	43
3.5.3.1	Penilaian Aspek Bahasa	44
3.5.3.2	Penilaian Aspek Isi Kandungan	46
3.5.3.3	Penilaian Aspek Teknik Paparan Slaid	47

3.5.3.4	Penilaian Aspek Tempoh Masa	49
3.5.3.5	Penilaian Aspek Kaedah Pelaksanaan	50
3.5.4	Kesahan Secara Keseluruhan Setiap Pakar Penilai	51
3.6	Fasa 3 : Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	54
3.7	Instrumen	56
3.7.1	Temubual	56
3.7.2	Rakaman Visual Video	57
3.7.3	Pemerhatian	57
3.7.4	Analisis Dokumen	57
3.7.5	Borang Penilaian Pakar	58
3.7.6	Ujian Pra dan Ujian Pos	58
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.9	Kaedah Menganalisis Data	61
3.10	Rumusan	61

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	62
4.2	Keperluan Yang Terdapat Dalam Pembinaan Modul SK-Plus	62
4.3	Populasi dan sampel	66
4.4	Kesan Pelaksanaan Modul SK-Plus Terhadap Murid Masalah Pembelajaran	69
4.4.1	Jadual Skor Minat Menulis Murid Mengikut Senarai Semak Pemerhatian	72
4.4.2	Analisis Dokumen Melalui Lembaran Kerja Murid	75
4.5	Bagaimana Penilaian Modul SK-Plus Dinilai?	79
4.5.1	Kutipan Data Daripada Skor Ujian Pra dan Ujian Pos	79
4.6	Penutup	80

## **BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	81
5.2	Ringkasan Kajian	81
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	82
5.3.1	Kesahan dan Kebolegunaan Modul SK-Plus	83
5.3.2	Keberkesanan Modul SK-Plus Terhadap Pencapaian Murid Bermasalah Pembelajaran	84
5.3.3	Rumusan Dapatan Kajian	86
5.4	Implikasi Kajian Dan Cadangan	86
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	87
5.6	Penutup	88
	<b>RUJUKAN</b>	89

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1	Protokol Soalan Untuk Temuduga	35
2	Penilaian Pakar Terhadap Modul SK-Plus dari Aspek Bahasa	44
3	Penilaian Pakar Terhadap Modul SK-Plus Dari Aspek Isi Kandungan	46
4	Penilaian Pakar Terhadap Modul SK-Plus Dari Aspek Paparan Slaid	47
5	Penilaian Pakar Terhadap Modul SK-Plus Dari Aspek Tempoh Masa	49
6	Penilaian Pakar Terhadap Modul SK-Plus Dari Aspek Kaedah Pelaksanaa	50
7	Senarai Panel Pakar Analisis Modul SK-Plus	52
8	Indikator Tahap Persetujuan Kohan Kappa	53
9	Kaedah Mengumpul Data	60
10	Skor Minat Menulis Untuk Setiap Fasa Sesi PdP	72
11	Jumlah Kad Bintang Diperolehi Setiap Murid Untuk Setiap Fasa pembelajaran	74
12	Skor ujian pra dan ujian pos setiap murid	79

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Rekabentuk kajian	7
2	Aliran Kerja kajian	34
3	Aliran Kerja Fasa 1: Proses Analisis	36
4	Aliran Kerja Fasa 2: Fasa Pembangunan dan Fasa Rekabentuk	38
5	Carta Alir Penggunaan Modul SK-Plus	40
6	Aliran Kerja Fasa 3: Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	54
7	Perkembangan Hasil Menulis Anand	75
8	Perkembangan Hasil Menulis Siti	76
9	Perkembangan Hasil Menulis Jiha	77
10	Perkembangan Hasil Menulis Sara	78
11	Markah Pra Ujian dan Pos Ujian untuk setiap murid	80

## SENARAI SINGKATAN

ADDIE	<i>Analyze, Design, Development, Implement, Evaluation</i>
ASSURE	Analyse Learners, State Objectives, Select Methods, Utilize Media and Materials, Require learner Participation, Evaluation and Revise
BBM	Bahan Bantu Mengajar
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
DSKPPK	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Khas
ERPI	Rancangan Penilaian Individu Secara Online
FT	Fixed Time
KOMSAS	Komponen Sastera Bahasa Melayu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MP	Masalah Pembelajaran
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PEND	Pendidikan
PK	Pendidikan Khas
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
SK-PLUS	Sentuhan Kasih – Program Latihan Untuk Menulis
SISC+	School Improvement Specialist Coach

## SENARAI LAMPIRAN

- A Manual Pengguna Modul SK-Plus
- B Paparan Slaid Power Point Modul SK-Plus
- C Soalan Ujian Pra
- D Soalan Ujian Pos
- E Borang Senarai Semak Pemerhatian
- F Borang Soal Selidik Pakar Pembangunan Modul SK-Plus Sebagai Bahan Bantu Belajar Minat Menulis Murid.
- G Protokol Soalan
- H Surat Lantikan Pakar
- I Ulasan Instrumen Oleh Pakar Yang Dilantik



## BAB 1

### PENGENALAN KAJIAN

#### 1.1 Pendahuluan

Modul SK-Plus iaitu Sentuhan Kasih – Program Latihan Untuk Menulis adalah sebuah modul yang dibangunkan untuk keperluan murid masalah pembelajaran (BP) bagi meningkatkan minat menulis murid. Antara elemen yang diketengahkan adalah penggunaan multimedia dan pemberian peneguhan positif sebagai rangasangan untuk menaikkan minat menulis di kalangan murid masalah pembelajaran. Modul ini dibangunkan berasaskan model ADDIE.

Umumnya, murid masalah pembelajaran (BP) merupakan salah satu kategori yang belajar di dalam kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Sekolah Kebangsaan. Mereka mempunyai keunikan khas disebabkan oleh keadaan lahiriah, fikiran dan perasaan yang lain daripada murid biasa. Tingkah laku murid masalah pembelajaran mempunyai sifat tersendiri mengikut kategori yang telah didiagnos oleh pakar perubatan. Murid MP juga perlu diberi perhatian setanding dengan murid arus perdana dalam meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Sebagaimana yang dinyatakan dalam laman web utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2019) tujuan utama murid berkeperluan khas termasuklah murid MP berpeluang untuk menerima akses pendidikan yang relevan dan sesuai dan Program Intervensi Awal agar tahap keupayaan mereka dapat dioptimumkan.

Pembangunan modul SK-Plus adalah bertujuan untuk mewujudkan satu Bahan Bantu Mengajar (BBM) berasaskan multimedia dengan memasukkan unsur peneguhan positif khusus untuk meningkatkan minat menulis di kalangan murid masalah pembelajaran (BP) tahap 1 di Sekolah Rendah. Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang sangat penting dalam perkembangan pembelajaran murid selain membaca dan mengira. Menurut Ahmad Muaz Muhd Hairi, Nik Nur Syazwani Ibrahim, Aziyati Zahirah Asnil Aimi (2020) menyatakan bahawa





kemahiran menulis adalah penting untuk kanak-kanak supaya mudah untuk menguasai pembelajaran mereka. Kemahiran amat penting supaya dapat menyampaikan mesej dengan baik walau hanya dapat menulis nama sahaja. Selain itu, pendedahan kemahiran menulis juga membantu murid menulis dengan cara yang betul dan boleh dibaca oleh pembaca. Justeru itu, modul SK-Plus dibangunkan sebagai salah satu bahan rangsangan untuk meningkatkan kemahiran dan minat menulis murid dan memberi peluang guru atau ibu bapa menggunakan modul ini untuk mengajar murid bermasalah pembelajaran yang kurang minat untuk menulis.

Elemen peneguhan positif digunakan dalam modul SK-Plus. Peneguhan positif adalah salah satu pilihan teknik terbaik untuk merangsang minat murid masalah pembelajaran supaya minat menulis. Menurut Skinner (1930), tingkah laku boleh diajar dan dipelajari melalui satu stimulasi yang sesuai yang diberi sebaik sahaja wujudnya tingkah laku operan. Peneguhan positif berfungsi sebagai ganjaran yang mendorong individu mengulangi tingkah laku berulang-ulang.

Terdapat beberapa aktiviti peneguhan positif seperti memberi kata-kata pujian, senyuman dan tepuk tangan yang mampu memberi rangsangan tingkah laku yang baik kepada murid. Menurut Noor Lela Ahmad dan Nur Afrina (2020) pengurusan tingkah laku boleh dilakukan dengan penggunaan peneguhan positif. Peneguhan positif merupakan rangsangan untuk mengulangi tingkahlaku yang diinginkan. Dalam konteks kajian ini, tingkah laku yang diinginkan adalah supaya minat menulis huruf dan perkataan.

Pembangunan modul pembelajaran SK-Plus adalah menggunakan model ADDIE. ADDIE adalah singkatan daripada *Analyze*, *Design*, *Development*, *Impelement* dan *Evaluation*. Banyak kajian berkaitan dengan pembangunan modul pembelajaran menggunakan model ADDIE. Keberkesanan yang diperolehi ternyata memberi impak yang baik terhadap golongan yang disasarkan. Antara kajian pembangunan modul dengan menggunakan model ADDIE seperti Tia Dwi, Cica, Habibah dan Agus (2019) Model ADDIE merupakan model rekabentuk yang sistematik dan afektif bersesuaian dengan keperluan pelajar.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Murid Masalah Pembelajaran adalah murid yang biasanya belajar di kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Murid-murid ini diberi peluang setara seperti murid dalam arus perdana. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan golongan murid masalah pembelajaran menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berupaya menjalani kehidupan dengan lebih bermakna (DSKP, KSSR 2017). Justeru kajian ini ingin menilai kesahan pembangunan modul SK-Plus yang menekankan penggunaan peneguhan positif supaya dapat menarik minat murid masalah pembelajaran untuk menulis seterusnya dapat meningkatkan pencapaian penulisan murid tersebut.

Kebanyakan murid MP dikatakan sebagai murid yang lemah dalam pelbagai aspek kemahiran dalam belajar. Menurut Rohaizat, Hanafi, Roziah dan Noraini (2020) murid masalah pembelajaran merujuk kepada murid yang mempunyai pelbagai masalah pembelajaran khususnya dari segi membaca, menulis dan mengira. Menurut beliau lagi, antara ciri-ciri murid bermasalah pembelajaran termasuklah sukar mempelajari kemahiran, mengikut arahan dan lemah dalam memberi tumpuan. Menurut Norfishah Mat Rabi (2016) menyatakan murid masalah pembelajaran terdiri dari mereka yang mempunyai masalah neurologikal terutamanya otak hingga menjejaskan pemahaman, penggunaan bahasa, pertuturan, penulisan, berfikir, membaca, menulis, mengeja dan sebagainya.

Murid kategori BP juga mempunyai risiko dalam pelbagai kemahiran pembelajaran terutama kemahiran menulis. Menurut Ahmad Muaz Muhd Hairi, Nik Nur Syazwani Ibrahim dan Aziyati Zahirah Asnil Aimi (2020) kecekapan menulis merupakan satu halangan kepada pencapaian akademik di sekolah khususnya dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) untuk kategori masalah pembelajaran.

Hasil temubual pengkaji terhadap guru-guru yang mengajar kelas masalah pembelajaran Tahap 1 di sebuah sekolah Rendah dalam Daerah Kuala Selangor, didapati murid-murid tersebut tidak minat menulis, suka bermain-main, mengganggu rakan dan berjalan ke tempat lain apabila aktiviti mula dijalankan.



*“Murid-murid tidak suka menulis apabila diminta untuk menyiapkan aktiviti menulis”. (guru 1)*

*“Murid akan menulis sambil lewa apabila diminta melakukan aktiviti menulis” (guru 2)*

*“Murid buat-buat tidur apabila disuruh menulis”. (guru 3)*

Masalah sikap murid yang tidak minat menulis semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam kelas menyebabkan suatu usaha perlu dijalankan supaya dapat menarik minat murid untuk menulis.

Justeru itu usaha perlu dilakukan supaya murid masalah pembelajaran minat untuk menulis. menurut Rohaizat et.al (2020) murid masalah pembelajaran memerlukan intervensi yang sesuai untuk membantu meningkatkan keupayaan tumpuan mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian pembelajaran berbantu komputer amat sesuai untuk menarik minat murid belajar khususnya menulis. Menurut Syafiqah (2018) pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dilihat memberi impak yang positif. Selain itu menurut Wan Faizatul, Nur Dalila dan Ramiaida (2020) menyatakan bahawa penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran terbukti berkesan dan mampu untuk membantu perkembangan bidang pendidikan.

Suatu modul berkaitan dengan cara menulis huruf yang betul dan sesuai dengan murid masalah pembelajaran perlu ada supaya guru atau ibu bapa dapat merangsang minat menulis murid masalah pembelajaran. Menurut Normadiyah dan Dr. Marlina (2017) modul yang berkonsepkan aplikasi multimedia amat sesuai digunakan untuk pembelajaran kerana penggunaan persembahan multimedia dengan animasi mempunyai kesan yang positif terhadap fokus dan pemahaman murid.

Dapat disimpulkan di sini, usaha membentuk suatu modul bersesuaian dengan murid masalah pembelajaran menggunakan aplikasi berbentuk multimedia adalah amat diperlukan untuk meningkatkan minat menulis di kalangan murid masalah pembelajaran.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Apabila seseorang murid itu tidak mahu mengikuti aktiviti yang dijalankan di dalam kelas khususnya aktiviti menulis, menyukarkan guru untuk melaksanakan proses pdp dengan berkesan. Perkara ini juga boleh menyebabkan murid tersebut ketinggalan dalam pembentukan kemahiran penting yang sepatutnya sentiasa ditingkatkan semasa proses pdp.

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam latar belakang kajian di atas, murid masalah pembelajaran mempunyai risiko dalam pelbagai kemahiran pembelajaran khususnya kemahiran menulis. Seperti kajian Rohaizat et.al (2020) murid masalah pembelajaran yang mempunyai pelbagai masalah pembelajaran antaranya kemahiran menulis. Ini menunjukkan masalah dalam kemahiran menulis penting untuk diambil perhatian supaya murid MP yang menghadapi masalah untuk menulis diberikan satu intervensi khusus.

Selain itu, dalam kajian Chiang (2018) menyatakan murid-murid masalah pembelajaran kurang diberi penekanan secara formal di sekolah terhadap mekanis kemahiran menulis menyebabkan tulisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak semakin tidak cantik dan sukar dibaca. Justeru itu sesuatu usaha perlu diambil untuk memberi penekanan terhadap pengajaran menulis secara formal dan terancang kepada murid masalah pembelajaran supaya keupayaan menulis murid dapat ditingkatkan melalui minat dan pencapaian menulis mereka.

Sekiranya usaha untuk meningkatkan kemahiran menulis dilaksanakan dalam bentuk pengajaran suatu modul yang terdapat rangsangan luar seperti peneguhan positif diharapkan usaha tersebut mendapat impak yang baik. Oleh yang demikian pendekatan peneguhan positif digunakan dalam mewujudkan minat seseorang murid itu terhadap menulis. Kaedah peneguhan positif adalah satu cara untuk menarik minat murid supaya menulis. Beberapa kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik menyatakan bahawa peneguhan positif mampu mengubah seseorang murid itu kepada yang lebih positif. Kajian oleh Niveetha, Abdul Razaq dan Norasmah (2021) mendapati, peneguhan positif melalui kaedah token ekonomi dan pujian telah berjaya mencapai objektif untuk meningkatkan keberkesanan kawalan kelas, minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran dan dapat memberi impak yang positif kepada murid.





Unsur Penguahan positif yang diserapkan dalam Modul SK-Plus adalah sebagai stimulasi untuk merangsang minat menulis murid masalah pembelajaran sekolah rendah. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dilakukan untuk mengkaji peranan penguahan positif melalui kesan penggunaan modul SK-Plus terhadap minat menulis dan pencapaian menulis murid masalah pembelajaran di sekolah rendah.

Memang tidak dinafikan terdapat banyak modul dan aplikasi berbentuk multimedia dalam pasaran yang berkaitan dengan pembelajaran menulis di kalangan kanak-kanak. Namun masih kurang modul yang benar-benar sesuai untuk digunakan khususnya murid masalah pembelajaran untuk meningkatkan minat menulis mereka. Oleh yang demikian kajian pembangunan modul SK-Plus dan kesahan perlu dijalankan.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian adalah untuk membangunkan satu modul iaitu modul SK-Plus dan menguji kesahan modul tersebut melalui penilaian daripada pakar yang dilantik.

#### **1.5 Objektif Kajian**

1. Menganalisis keperluan yang berkaitan untuk membangunkan modul.
2. Merekabentuk dan membangunkan modul sk plus dengan menggunakan model ADDIE
3. Mengesahkan modul SK-plus.
4. Melaksanakan penggunaan Modul SK-Plus terhadap murid bermasalah pembelajaran.
5. Menilai penggunaan Modul SK-Plus dalam meningkatkan minat menulis murid.


#### **1.6 Soalan Kajian**

1. Apakah keperluan yang terdapat dalam pembinaan modul sk plus?
2. Apakah kaedah yang sesuai untuk merekabentuk dan membangunkan Modul SK Plus?



3. Adakah Modul SK-Plus mencapai kesahan yang boleh dipercayai terhadap penilaian pakar?
4. Apakah kesan sewaktu pelaksanaan modul SK-Plus terhadap murid bermasalah pembelajaran?
5. Bagaimanakah penilaian modul SK-Plus dinilai?

### 1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian (Diubahsuai daripada kerangka pembinaan modul pembelajaran asas Bahasa Arab untuk pelajar warga emas, M. Khairudin, 2014)



Berdasarkan **Rajah 1**, kerangka konseptual kajian yang telah diubahsuai daripada kerangka pembinaan modul pembelajaran asas Bahasa Arab untuk pelajar warga emas, kajian dijalankan oleh M. Khairudin (2014). Proses untuk membangunkan dan menilai kesahan modul SK-Plus, pengkaji menggunakan tiga Fasa untuk membangunkan modul SK-Plus di mana gabungan dua fasa dari model ADDIE semasa di fasa 2 dan fasa 3.

Untuk Fasa 1 di peringkat Analisis, ia menjadi penentu kepada pemilihan bahan dan teknik penyampaian dalam pembangunan modul tersebut. Empat item yang diambil perhatian untuk dianalisis ialah:

- i- Ciri-ciri pengguna
- ii- pengetahuan sedia ada pengguna
- iii- Tahap pengetahuan pengguna
- iv- Kaitan dengan DSKPPK.

Keempat-empat item tersebut sangat penting untuk dianalisis demi kesesuaian modul tersebut digunakan oleh pengguna iaitu murid bermasalah pembelajaran. Pada peringkat analisis pengkaji menggunakan teori pembelajaran behaviorisme dan teori minat sebagai asas untuk membina modul SK-Plus.

Seterusnya pada Fasa kedua ialah peringkat rekabentuk dan peringkat pembangunan. Pada peringkat ini pengkaji menggunakan maklumat yang diperolehi daripada peringkat analisis. Pengkaji menggunakan model ADDIE sebagai panduan dalam proses rekabentuk modul ini. Model ADDIE menggunakan lima fasa iaitu analisis, rekabentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Peringkat pembangunan adalah hasil daripada dapatan peringkat analisis dan peringkat rekabentuk. Perisian power point telah dipilih sebagai aplikasi yang paling mudah, menarik dan menjimatkan kos dalam membangunkan modul ini. Semasa proses membangunkan modul ini pengkaji telah menggunakan khidmat pakar untuk menilai bahan-bahan dan beberapa item tertentu untuk melihat keberkesanan dan kesesuaian modul tersebut. Kesahan daripada pakar diperlukan pada peringkat membangunkan modul dari sebelum, semasa sehinggalah peringkat akhir membangunkan modul tersebut.

Pada Fasa ketiga gabungan peringkat pelaksanaan dan peringkat penilaian. Peringkat ini saling berkaitan kerana melalui dapatan hasil pelaksanaan maka





penilaian dapat dilakukan dan dikenalpasti. Satu kajian rintis dilaksanakan terhadap murid masalah pembelajaran. Semasa peringkat pelaksanaan beberapa instrumen digunakan bagi memungut data yang akan dibawa untuk proses penilaian. Pada peringkat penilaian pula, data daripada peringkat pelaksanaan diambil kira sekaligus akan mempengaruhi penilaian pada fasa 1 dan fasa 2. Kesesuaian modul terhadap pengguna dapat dikenalpasti melalui kutipan data dan hasil dapatan daripada kajian rintis.

### 1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah melalui kajian pembangunan modul dengan menggunakan alat kajian kualitatif dan kuantitatif. Modul SK-Plus digunakan untuk menjalankan kajian ini yang diberikan kepada empat orang sampel di kalangan murid bermasalah pembelajaran tahap 1 sekolah rendah yang dipilih.

Fokus kajian adalah tertumpu kepada murid masalah pembelajaran tahap 1 di kelas Pendidikan Khas Integrasi di sebuah sekolah rendah dalam daerah Kuala Selangor, Selangor. Lokasi tersebut dipilih kerana berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. Situasi tersebut lebih mudah dan menjimatkan kos. Murid masalah pembelajaran yang dipilih adalah dalam kategori Autisme (sederhana) dan Sindrom down (sederhana) sahaja. Sampel kajian terdiri daripada empat orang murid PPKI kategori masalah pembelajaran tahap 1 dari sekolah tersebut.

Dalam kajian ini, menulis dimaksudkan dengan kemahuan menulis perkataan suku kata tertutup, melakar huruf dari gabungan garisan dan memadankan perkataan dengan gambar. Sampel adalah terdiri daripada kalangan murid yang tidak minat untuk menulis tetapi boleh memegang pensil dengan baik dan boleh melakar garisan pada kertas.

Tempoh masa yang digunakan untuk membuat kajian rintis ini juga terhad iaitu selama empat minggu. Kajian hanya boleh dilakukan semasa hari persekolahan dan waktu pengajaran dan pembelajaran yang dipersetujui oleh pihak sekolah.





## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini perlu dilaksanakan bagi melihat pembangunan dan kesahan Modul SK-Plus yang mengutamakan penggunaan aktiviti peneguhan positif kepada murid masalah pembelajaran terhadap minat menulis dan pencapaian menulis perkataan suku kata tertutup mereka. Kajian ini dapat membantu guru pendidikan khas sebagai panduan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap sikap murid masalah pembelajaran yang tidak minat menulis semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

## 1.10 Definisi Operasional

### 1.10.1 Murid masalah pembelajaran

Murid masalah pembelajaran adalah murid yang ditempatkan di kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Sekolah Kebangsaan. Mereka dikategorikan dalam berkeperluan Pendidikan khas ertinya murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan ahli optic, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai masalah pembelajaran, (Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas), 2013)

### 1.10.2 Minat

Minat merupakan sebagai pendorong yang membolehkan seseorang itu memberikan perhatian terhadap sesuatu aktiviti (Killis, 1986). Minat juga boleh ditakrifkan sebagai suatu keadaan seseorang yang memberi tumpuan sepenuh perhatian pada sesuatu aktiviti disertai dengan sifat ingin tahu dan ingin belajar lebih lanjut (Walgito, 1981). Dalam kajian ini minat merujuk kepada kemahuan murid untuk terlibat dengan aktiviti menulis semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dan fokus semasa aktiviti menulis dilakukan dalam suatu jangka masa yang lama mengikut kesesuaian.

Minat merupakan sebagai pendorong yang membolehkan seseorang itu memberikan perhatian terhadap sesuatu aktiviti (Killis, 1986). Minat juga boleh ditakrifkan sebagai suatu keadaan seseorang yang memberi tumpuan sepenuh





perhatian pada sesuatu aktiviti disertai dengan sifat ingin tahu dan ingin belajar lebih lanjut (Walgito, 1981). Dalam kajian ini minat merujuk kepada kemahuan murid untuk terlibat dengan aktiviti menulis semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dan fokus semasa aktiviti menulis dilakukan dalam suatu jangka masa yang lama mengikut kesesuaian.

### 1.10.3 Peneguhan Positif

Peneguhan positif adalah sesuatu pemberian ganjaran apabila suatu perlakuan yang diingini dilakukan dengan baik, seterusnya perlakuan tersebut diulang-ulang dan diperkukuhkan lagi (Zulkarnain dan Isa, 2021). Peneguhan positif dapat dilakukan dengan baik apabila berlaku suatu bentuk tingkahlaku dengan adanya rangsangan tertentu. Menurut Mok (2011), peneguhan positif merupakan stimuli yang boleh menambahkan kebarangkalian berulangnya sesuatu tingkah laku. Dalam kajian ini peneguhan positif merujuk kepada kata-kata pujian dan pemberian ganjaran token ekonomi.



### 1.10.4 Menulis

Definisi menulis menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah mencatat kata-kata dengan huruf dan memakai pena seperti kalam, kapur, pensel dan lain-lain. Di samping itu, menulis juga bermaksud melahirkan perasaan (fikiran dan lain-lain) dengan catatan yang memakai huruf, membuat surat atau mengarang. Namun begitu dalam konteks kajian ini, menulis lebih bersifat mekanis iaitu melakar bentuk huruf, menyalin semula perkataan suku kata tertutup, dan semua aktiviti latihan lembaran kerja yang melibatkan penggunaan pensil dan pensil warna dan alatulis lain seperti pembaris dan pemadam.

Selain itu menulis bermaksud aktiviti menulis perkataan suku kata tertutup iaitu bas, sos, kek, pin dan but. Sampel yang dipilih akan menulis perkataan tersebut huruf demi huruf dari melakar huruf di udara, menggunakan bahan (kad) sehinggalah menulis mengikut garisan putus dan menulis tanpa bantuan.





### 1.10.5 Modul SK-Plus

Modul SK-Plus adalah satu modul yang dibina menggunakan perisian Microsoft Powerpoint yang mengandungi bahan pembelajaran berkaitan dengan suku kata tertutup. Modul ini merangkumi beberapa slaid yang memaparkan lima huruf vokal dan ejaan suku kata tertutup yang berunsurkan huruf vokal tersebut. Kaedah memperkenalkan beberapa huruf konsonan dan huruf vokal adalah cara yang paling mudah untuk dipelajari melalui pemaparan visual satu persatu cara menulis huruf tersebut.

Murid perlukan bantuan guru untuk melakukan aktiviti menulis huruf tersebut, sambil diberi kesan peneguhan positif semasa menggunakan modul SK-Plus ini. Murid juga perlu mengeja perkataan suku kata tertutup seperti bas, kek, pin, but dan sos. Perkataan yang dipilih adalah berasaskan huruf vokal ditengah supaya membentuk perkataan suku kata tertutup.

Murid boleh memilih untuk bahagian uji minda yang terdapat dalam Modul SK-Plus tersebut. Bahagian uji minda berbentuk pilihan ejaan yang betul berdasarkan gambar yang diberi. Sekiranya murid memilih jawapan yang betul dengan klik pada ejaan yang dipaparkan visual tanda bagus akan muncul. Murid akan rasa gembira dan rasa bermotivasi untuk melakukan aktiviti uji minda. Konsep ini berpadanan dengan teori pembelajaran Behavioris iaitu pembelajaran mampu diwujudkan melalui tindak balas terhadap suatu rangsangan yang menyeronokkan (Ramlah, Mahani, Shahabudin, 2007).

### 1.10.6 Kesahan

Menurut Hashimah dan Isa (2018) kesahan merujuk kepada pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis. Kesahan dikatakan tinggi jika instrumen yang dibina benar-benar mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis. Kesahan melalui takrifan oleh Fraenkel & Wallen (2009) dapat didefinisikan sebagai “ketepatan (appropriateness), kebenaran (truthfulness), bermakna (meaningfulness) dan kebolegunaan (usefulness) sesebuah instrumen yang membolehkan sesuatu data diinferenkan”. Melihat kepada takrifan ini, unsur





utama yang membentuk konsep kesahan iaitu keupayaan suatu pengukuran. Kesahan juga boleh didefinisikan sebagai nilai korelasi antara pengukuran dan nilai sebenar sesuatu variabel. Jika pengukuran yang dibuat bertepatan dengan nilai sebenar sesuatu variable, maka nilai korelasinya adalah tinggi dan penyelidikan mempunyai kesahan yang tinggi (Hashimah, 2018).

### 1.11 Rumusan

Secara ringkas Bab 1 telah membincangkan tentang latar belakang permasalahan berkaitan dengan tajuk kajian iaitu “Kesahan dan Pembangunan Modul SK-Plus”. Bab ini juga turut membincangkan objektif kajian dan soalan kajian yang ingin dijawab selain membincangkan skop atau limitasi kajian yang menjelaskan bahawa kajian ini melihat Modul SK-Plus dibangunkan berasaskan peneguhan positif dan kesahan kebolegunaan modul tersebut. Penggunaan istilah dan konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini juga diperjelaskan secara terperinci dalam definisi operasional supaya maksud perkara yang dikaji mudah difahami. Bab 2 akan membincangkan tinjauan yang dijalankan berdasarkan kajian lepas.

